

BAB 3

JENIS-JENIS BANGUNAN TRADISIONAL MELAYU DI TERENGGANU

Senibina melambangkan keagungan dan ketamadunan sesuatu bangsa di dunia. Senibina merupakan satu kelahiran rohani yang hidup dari kalangan setiap bangsa. Senibina juga menjadi bukti ketinggian peradaban sesuatu bangsa. Begitu juga dengan orang Melayu, seni pertukangan memang telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka sejak ribuan tahun dahulu. Manusia dianugerahkan Allah pemikiran untuk mencorakkan kehidupan masing-masing. Melalui pemikiran inilah mereka telah menghasilkan berbagai-bagai jenis bangunan berdasarkan keperluan, selera dan kepentingan sosial mahupun diri sendiri.

Bangunan tradisional Melayu di Terengganu boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu bangunan untuk beribadat, tempat tinggal dan tempat berehat. Bangunan yang dijadikan tempat tinggal terdiri daripada rumah, istana dan dangau, bangunan untuk beribadat terdiri daripada masjid dan surau manakala bangunan untuk berehat ialah wakaf.

3.1 Masjid dan Surau

Masjid merupakan senibina terpenting yang melambangkan syiar Islam. Ia menjadi pusat utama kepada semua kegiatan Islam. Dalam konsepsi Islam masjid dianggap suatu yang universal.

"In Islamic conception, mosque is regarded the universal thing".¹

Setiap orang Islam adalah bebas untuk sembahyang. Oleh sebab itu, tidak hairanlah apabila kita melihat ada orang Islam sembahyang di atas batu, tepi sungai, di tengah padang, atas perahu atau bot di sungai dan laut. Ini berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W.:

وَجَعَلْتُ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا وَطَهُورًا

Maksudnya: "Dan dijadikan bumi ini bagi aku tempat sujud serta suci bersih".

Perkara di atas boleh dirujuk kepada kenyataan hadith Bukhari.

"The world has been created for me for a masjid (prayer place)and an implement for purification and wherever member of my community wishes to pray, let him pray there".²

1) Dr. Hasan Muarif Ambary, 1986, "Ancient mosques in Indonesia and its relation ancient mosque in Kelantan" kertaskerja Seminar Arkeologi di Malaysia tumpuan khusus kepada Negeri Kelantan 22 - 24 Ogos 1986 hal-1, Kota, Bharu, anjuran Muzium Negeri Kelantan.

2) Ibid, hal - 2.

Walaupun setiap orang Islam boleh sembahyang di mana-mana, adalah lebih elok dibina sebuah bangunan khusus untuk beribadat yang diberi nama masjid. Masjid bukan sahaja sebagai tempat beribadat tetapi juga sebagai tempat pertemuan atau menyambung silaturrahim sesama umat Islam di samping mereka mengadakan aktiviti keagamaan yang lain. Adanya sebuah masjid akan membolehkan seseorang itu mengerjakan amal ibadat dengan khusyuk dan aman. Menurut sejarah Islam bangunan yang pertama sekali dibina oleh Rasulullah sewaktu berpindah ke Madinah ialah masjid. Masjid dianggap sebagai akar umbi senibina Islam. Begitu juga dalam sesebuah kampung dan bandar masjid melambangkan adanya penganut-penganut Islam di sesuatu tempat.

Al-Quran dan Hadith banyak memperkatakan tentang masjid. "Sesungguhnya Allah s.w.t. memuliakan akan masjid dari bangunan-bangunan lain kerana ia adalah satu tempat yang menyatukan umat tidak kira jenis, kaum atau keturunan, bersama-sama tunduk memuja Allah".

Dalam Al-Quran masjid dijelaskan sebagai tempat orang Islam berzikir kepada Allah s.w.t. tidak kira lelaki maupun perempuan, sebagaimana Firman Allah s.w.t. bermaksud:

".....dan masjid-masjid di dalamnya banyak disebut nama Allah....."

Al-Hajj : ayat 40

Menurut sejarah, masjid bukan sahaja menjadi tempat beribadat tetapi lebih daripada itu. Pada zaman Rasulullah s.a.w., Baginda menggunakan masjid sebagai tempat pengajaran Islam mengenai sembahyang, bermesyuarat mengenai politik, ketenteraan, kebijakan, sosial dan peperangan. Selain itu, masjid juga dijadikan tempat mendidik pendakwah-pendakwah dan pemimpin Islam dan berbagai lagi yang berhubungkait dengan Islam.

Di Malaysia dan di kalangan orang Melayu khususnya, tempat beribadat ini terbahagi kepada dua bentuk, iaitu masjid dan surau. Dari segi jumlahnya bilangan masjid adalah lebih kecil kalau dibandingkan dengan surau. Pada masa dahulu dalam sebuah mukim terdapat sebuah masjid dan beberapa buah surau. Pada masa sekarang akibat pertambahan penduduk kebanyakan kampung mempunyai masjidnya sendiri di samping beberapa buah surau.

Bentuk-Bentuk Masjid dan Surau di Terengganu

Terdapat berbagai bentuk masjid dan surau di Terengganu. Bentuk-bentuk utama adalah dari jenis rumah tiang 12 dan 16, limas bungkus, bumbung bertingkat, bujang barat dan limas Belanda. Bentuk masjid paling awal di Terengganu berbentuk rumah tiang 12 dan 16 terutama di daerah Kuala Terengganu. Tidak ada surau yang dibuat berbentuk rumah tiang 12 dan 16. Bangunan ini hampir sama dengan rumah tetapi terdapat tambahan mihrab dan serambi untuk tempat ambil air sembahyang.

Bentuk lain yang banyak ditemui adalah berbentuk limas bungkus. Bentuk ini dapat ditemui di seluruh negeri Terengganu. Surau juga banyak dibina dalam bentuk ini.

Di Terengganu, terdapat sebuah masjid yang bumbungnya berbentuk piramidal (bumbung bertingkat empat lapis) yang terdapat di daerah Kemaman. Masjid ini ada persamaan dengan masjid Kampung Laut di Kelantan dan Grisek, di Jawa.



Bentuk masjid yang paling banyak ialah berbentuk Limas Belanda. Jenis ini dikatakan jenis yang paling baru daripada senibina tradisional. Bentuk ini juga sangat popular dalam pembinaan surau. Dari segi rupa bentuk sama seperti rumah tetapi ditambah ruang mihrab dan tempat berwudhu'. Satu lagi bentuk yang ditemui ialah bentuk rumah bujang barat.

3.2 Rumah



Manusia semenjak zaman purba lagi telah memcarci tempat perlindungan daripada hujan dan panas di samping serangan binatang buas. Perubahan tahap pemikiran, manusia telah mengubah bentuk tempat perlindungan daripada yang ringkas kepada bangunan yang lebih kemas dan kukuh. Rupa bentuk bangunan yang dihasilkan berbagai rupa berdasarkan pengaruh kebudayaan, alam sekeliling, sejarah, cara hidup dan kebolehan sesuatu bangsa itu.

Bagi mengenal pasti bentuk sesebuah rumah Melayu, penelitian hendaklah dibuat kepada bentuk bumbung. Bumbung merupakan elemen penting yang membezakan bentuk-bentuk rumah tradisional yang terdapat di Terengganu (lihat rajah 8 dan 9).

Rajah 8: Bentuk-Bentuk Bumbung Rumah Tiang 6, 12 dan 16.




Rajah 9: Bentuk-Bentuk Bumbung Bangunan Tradisional




Rumah Gajah Menyusu

Rumah yang terawal dibina oleh orang Melayu di Terengganu dengan bentuk bumbung panjang dan bertabir layar dikenali sebagai dangau atau teratak. Bentuk ini masih lagi digunakan oleh orang-orang Melayu terutama di perkampungan pendalamannya. Bentuk yang awal ini dikenali sebagai "Rumah Gajah Menyusu" di mana rumah ini disambung dengan satu unit lagi rumah yang lebih kecil ukurannya. Bumbung serta lantainya lebih rendah daripada rumah ibu. Ruang tambahan ini selalunya dijadikan dapur. Kebiasaannya rumah jenis ini dibina daripada bahan yang mudah didapati seperti buluh, kayu-kayu bulat, berdinding, berlantaikan buluh serta kulit kayu beratap daun. Sistem persendiannya mudah dan bersifat sementara,, iaitu dengan membuat ikatan dengan rotan atau akar kayu. Terdapat tiga bentuk rumah gajah menyusu di Terengganu iaitu gajah menyusu dalam bentuk rumah bersorong, gajah menyusu di penjuru rumah ibu yang mempunyai bentuk yang ukurannya lebih kecil dan dijadikan dapur. Ketiga, rumah gajah menyusu tambahan di penjuru berbentuk pisang sesikat. (Rajah 10).


Rajah 10: Bentuk-Bentuk Rumah Gajah Menyusu



Rumah Gajah Menyusu Bentuk Sorong



Rumah Gajah Menyusu Di Penjuru
Rumah Ibu Berbentuk Sama Tapi
Ukuran Lebih Kecil



Rumah Gajah Menyusu Bentuk Pisang Sesikat

Rumah Berserambi

Rumah bentuk ini merupakan jenis dan reka bentuk rumah Melayu yang paling popular di Terengganu sebelum kedatangan pengaruh asing. Rumah jenis ini dapat dikenali berdasarkan bentuk bumbung yang panjang dan melintang. Kebiasaannya rumah jenis ini terdapat dua pemelih yang besar dan tebal di setiap hujung perabung dan boleh dilihat dari jarak jauh.

Oleh sebab itu rumah jenis ini dikenali juga sebagai rumah berpeleh di Negeri Terengganu. Terdapat beberapa bentuk rumah seperti ini di Terengganu yang berlainan nama berdasarkan ruang dan tiang. Sekiranya rumah ini dibina atas enam batang tiang, rumah ini dikenali dengan nama "Rumah Bujang" atau Rumah Berpeleh Tiang Enam. Kadangkala terdapat juga dua unit rumah tiang enam dicantumkan untuk menjadi lebih luas. Rumah jenis ini dikenali dengan nama Rumah Bujang atau Rumah Tiang Enam Berkembar. Kebiasaannya rumah seperti ini dimiliki oleh mereka yang kurang berada.

Perkataan bujang - dirujuk kepada orang lelaki dan perempuan belum berkahwin ataupun sebuah tanpa tambahan.

Apabila rumah jenis ini didirikan di atas dua belas batang tiang, rumah ini dikenali dengan nama Rumah Berserambi ataupun Rumah Tiang Dua Belas. Bagi golongan yang berada rumah ini ditambah satu ruang lagi dengan tambahan empat batang tiang, menjadikan rumah jenis ini dikenali sebagai Rumah Berserambi Tiang Enam Belas. Kebiasaannya rumah berserambi menggunakan empat keping pemeleh di setiap hujung perabung.

Di Negeri Terengganu terdapat sejenis lagi rumah perabung panjang yang menggunakan tiga keping pemeleh pada hujung perabung. Rumah jenis ini dikenali sebagai rumah berserambi selasar. Rumah jenis ini tidak banyak bilangannya.

Lantai ruang selasar lebih rendah daripada lantai serambi dan selalunya terdapat sebuah tangga yang menghubungkan serambi dengan selasar, di samping sebuah tangga dibina di antara selasar dengan tanah. Ruang selasar biasanya disambung pada sebelah serambi sahaja, menjadikan jumlah pemeleh sepuluh keping, iaitu lima keping setiap bahagian perabung.

Rumah jenis perabung panjang mempunyai keistimewaananya, iaitu bersifat " keluwesan " iaitu rumah ini boleh ditokok tambah. Sifat-sifat rumah yang disebutkan di atas dikatakan berasal dari selatan Thai, iaitu di wilayah Patani. Hal ini disebabkan kedudukan Negeri Terengganu hampir dengan Patani dan ramai penduduk Terengganu berasal dari Patani. Kebanyakan rumah berserambi di Terengganu menggunakan atap bata (atap tanah atau "*tiles*") yang dibawa dari Singgora, Selatan Thailand dan dindingnya kayu cengal, berpanel kebanyakan berbentuk kembung atau dinding pelupuh berjenang. Pada kebanyakan rumah jenis ini terdapat ukiran-ukiran tertentu di dinding, di atas pintu dan tingkap. Satu lagi ciri rumah jenis ini ialah ukuran tiang yang besar dan tinggi daripada tanah. Untuk kekuatan struktur, tiang dan tongkat ditebuk dan dimasukkan pelancar atau belira supaya rumah tidak bergoyang.

Rumah Bujang Barat

Terdapat dua bentuk rumah bujang barat. Pertama mempunyai bentuk bumbung yang hampir sama dengan rumah berpeleh tetapi ukuran pemelehnya adalah kecil. Rumah bentuk ini dikatakan wujud sezaman dengan rumah berpemeleh tetapi dimiliki oleh golongan kurang berada. Kebanyakan rumah jenis ini berdindingkan buluh (pelupuh) dan beratap nipah.

Satu bentuk lagi ialah rumah bujang barat berbentuk seakan-akan rumah limas Belanda pemelehnya sampai ke kaki atap dan sesetengahnya mempunyai buah guntung. Rumah jenis ini beratap bata dan dinding bercat. Rumah jenis ini juga dapat diperluaskan ruang dengan menambah ruang serambi.

Rumah Perabung Lima atau Limas Bungkus

Rumah jenis ini mempunyai lima batang perabung. Ciri-cirinya mudah dikenali berdasarkan kepada bumbung yang menggunakan satu perabung lurus mendatar dan empat buah perabung menurun ke cucuran atap. Sesetengah orang berpendapat bumbung jenis ini berasal dari reka bentuk yang terdapat di Belanda.

Pada mulanya rumah jenis ini diperkenalkan di Melaka dan Johor kemudiannya berkembang di Riau dan Terengganu serta beberapa buah negeri lain. Di Terengganu rumah perabung lima dikenali dengan nama Rumah Limas Bungkus.

Ada dua pendapat mengenai bilakah rumah jenis ini mula diperkenalkan di Terengganu.

Bagi Sahul Hamid,

'Menjelang kurun ke-20, di Negeri Terengganu telah wujud pula rumah-rumah Melayu dalam bentuk yang sangat berlainan di rumah-rumah tiang 12. Ia dikenali sebagai Rumah Perabung Lima atau Limas. Baik rumah perabung lima atau limas, bentuk bumbung tidak lagi serupa dengan bumbung rumah tiang 12'.³

Bagi Hassan Muhamad menyatakan,

'Rumah limas merupakan binaan yang sudah popular di Johor, Riau Lingga, Singapura, Terengganu dan Kepulauan Indonesia sejak kurun ke 19 lagi. Kemunculannya melalui saudagar-saudagar Melayu Riau di awal abad ke-19'.⁴

3) Sahul Hamid Mohd Hanafiah, 1982, *Istana Tengku Long*, Kg. Raja Besut, Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, hal. xiii.

4) Hassan Muhamad, 1981, 'Pengenalan Senibina Menerusi Cara Hidup', dalam *Majalah Arkitek* Kuala Lumpur, hal. 39

Rumah Potong Belanda atau Limas Belanda

Rumah jenis ini berasal dari Rumah Limas Bungkus tetapi diubahsuai oleh tukang Melayu bagi memberi imej Melayu, dengan menambah bukaan atap kecil seperti V terbalik di sebelah atas supaya udara dapat masuk ke dalam rumah. Bahagian pembukaan dikenali dengan nama tebar layar dan dipasang pemeleh. Rumah ini dikenali dengan nama Rumah Potong Belanda atau Limas Belanda. Pemeleh tadi akan dicantum kepada sebatang kayu yang dikenali buah guntung.

Pada Rumah Potong Belanda pemeleh yang dipasang tidak sampai ke penghujung atau cucuran atap. Walau bagaimanapun, terdapat juga rumah seakan-akan rumah jenis Potongan Belanda tetapi pemelehnya lebih luas dan sampai ke kaki atap, rumah ini dikenali dengan nama Rumah Bujang Barat di Terengganu.

3.3 Wakaf

Wakaf adalah sejenis bangunan tradisional yang terdapat di Terengganu untuk berfungsi sebagai tempat berteduh sementara pengembara atau orang kampung.

"Wakaf are actually a small shed that constructed along popular routes so that weary travellers can rest".⁵

5) Mohd Annuar Ngah, "Regional Architecture" Architectural form with special reference to Terengganu Research report Institut Teknologi Mara, 1981, hal 61.

Bangunan ini mempunyai bumbung bagi melindungi mereka yang berteduh daripada panas matahari dan hujan. Kalau dibandingkan struktur binaan tradisi, wakaf merupakan suatu elemen yang mudah dan ringkas.

"Wakaf adalah sebuah struktur senibina yang banyak melambangkan tentang kebajikan di dalam Islam di Tanah Melayu".⁶

Wakaf memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Terengganu, sehingga didapati setengah kampung menggunakan nama wakaf seperti Kampung Wakaf Mempelam, Kampung Wakaf Tapai, Kampung Wakaf Mesira, Kampung Wakaf Nyior Kembar, Kampung Wakaf Beruas, Kampung Wakaf Dua dan beberapa tempat lagi. Nama wakaf adalah bersempena dengan perbuatan menderma atau bersedekah kepada umum yang berupa tanah, pondok atau apa-apa sahaja. Wakaf dibina hasil dari perasaan takwa dan sebagai suatu ibadah dan dituntut di dalam Islam. Islam sangat menggalakkan umatnya bersedekah jariah.

6) Zainal Arif bin Hashim "*Senibina Tradisi Melayu Di Dalam Kontek Tamadun Islam, Pengkhususan Kajian di Terengganu*. Disertasi Diploma Senibina ITM 84/85, hal-92.


Pada masa dahulu banyak orang yang berada membuat amal jariah, mengharapkan balasan daripada Allah di akhirat nanti. Salah satu amal ibadat ialah membina wakaf untuk kemudahan musafir yang melalui kawasan itu. Ganjaran yang akan diterima oleh orang yang bersedekah, Firman Allah s.w.t. di dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah, ayat 272 yang bermaksud:

Dan apa juga harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri. Dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan menuntut keredhaan Allah. Dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang halal, akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan.


Ada wakaf yang berbentuk rumah berserambi, kebiasaannya mempunyai lantai berlapis. Di Kuala Terengganu wakaf jenis ini terdapat di kawasan perkuburan. Satu lagi bentuk wakaf ialah mempunyai bumbung berlapis jenis limas. Lantai wakaf jenis ini mempunyai lantai berlapis. Wakaf bentuk ini adalah wakaf yang berusia tua.

Wakaf lain berbentuk bumbung limas bungkus, bujang barat dan bumbung berbentuk limas Belanda. Ada juga kedapatan wakaf yang terdiri dari dua buah bangunan yang bergabung yang dikenali sebagai "wakaf dua" (Rajah 11).


Rajah 11: Bentuk-Bentuk Wakaf



Wakaf Bumbung Panjang Bertingkat



Wakaf Bumbung Limas Bertingkat



Wakaf Bumbung Limas Belanda

Ruang duduk wakaf adalah berbentuk empat persegi, L dan juga berbentuk U. Orientasi wakaf pula sebagaimana rumah dari timur ke barat.

Daripada perbincangan di atas, didapati wujudnya ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara jenis-jenis bangunan tradisional Melayu di Terengganu. Ketiga-tiga jenis bangunan ini mempunyai bentuk bumbung yang sama iaitu 'V' terbalik yang berbentuk bumbung panjang, setiap jenis bangunan ini mempunyai tiang dan lantai. Persamaan yang lain ialah bentuk ketiga-tiga empat persegi dan menggunakan sistem penyambungan secara tanggam tebuk dan puting. Ketiga-tiga bangunan ini juga menggunakan bahan-bahan dari persekitaran. Dari segi orientasi, ketiga-tiga jenis bangunan ini menghala arah timur ke barat.

Terdapat beberapa ciri yang membezakan ketiga-tiga bangunan ini. Pertamanya dari segi fungsi utama, setiap satu mempunyai fungsi yang berbeza, masjid dan surau untuk mengerjakan sembahyang, rumah sebagai tempat tinggal dan wakaf pula sebagai tempat berehat. Masjid, surau dan rumah mempunyai struktur utama yang sama iaitu bumbung, dinding dan tiang, tetapi wakaf mempunyai bumbung dan tiang sahaja. Selain daripada itu, masjid, surau dan rumah mempunyai tangga tetapi wakaf tiada.

Dari segi fungsi gunanya, masjid, surau dan rumah digunakan oleh kaum lelaki dan perempuan tetapi wakaf keseluruhannya hanya digunakan oleh kaum lelaki sahaja. Kalau diperhatikan bentuk lantai masjid, surau dan rumah berbentuk empat persegi tetapi wakaf mempunyai bentuk empat persegi, L, U dan E. Berkaitan dengan ukuran, didapati masjid mempunyai ukuran yang paling besar diikuti dengan rumah dan yang ukuran yang paling kecil ialah wakaf. Terdapat berbagai jenis penambahan ruang pada bangunan. Paling banyak ruang tambahan ialah pada rumah, sekelilingnya ditambah seperti gandaan serambi, selasar, lambur dan gajah menyusu tetapi bagi masjid tambahan hanyalah ruang serambi. Tambahan pada wakaf pula terdapat dalam bentuk gandaan.

wakaf - Pada masa dahulu yang merantau hanyalah orang lelaki jadi wakaf untuk lelaki.
Dari segi nilai masyarakat Terengganu, orang perempuan tidak manis duduk di wakaf (kerana wakaf tempat orang lelaki bersembang)